

Rasuah: Dr M setuju pendirian Pak Lah

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad semalam bersetuju dengan pendirian Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa perlu ada bukti jelas sebelum seseorang itu dituduh mengamalkan rasuah.

"Memanglah, kalau tak ada bukti mengenai rasuah, jangan kata ia rasuah.

"Kalau seseorang itu dapat buktikan perbuatan rasuah tanpa mempunyai bukti yang jelas, saya fikir orang itu detektif yang handal," kata bekas Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menyampaikan ucapan pada majlis jamuan tengah hari anjuran Dewan Perniagaan Malaysia Jerman di sini.

Ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan jawapan yang diberikan Abdullah berhubung persoalan yang dibangkitkan, Dr Mahathir tidak menjawabnya, sebaliknya meminta soalan lain.

Dr Mahathir juga secara sinis meminta wartawan membaca analisis yang disiarkan *New Straits Times* (NST) mengenai jawapan Abdullah

yang menurutnya sangat baik.

"Jadi, saya fikir anda semua patut membaca *Straits Times*. Saya tidak ada pandangan peribadi mengenai isu ini," katanya.

Beliau turut berkata kritikan kerasnya terhadap kerajaan dan Abdullah bukannya petanda wujud perebutan kuasa dalam Umno.

Dr Mahathir berkata, kritikkannya hanya bertumpu pada projek dan dasar yang dilaksanakan kerajaan dan tidak sekali-kali mencerminkan wujudnya pertelingkahan peribadi antara beliau dan Abdullah.

"Saya telah beritahu orang ramai bahawa tidak wujud sebarang perbalahan peribadi yang boleh diselesaikan hanya dengan berjabat tangan atau dengan berkata marilah kita lupa-kannya dan saling bermaaf-maafan.

"Saya bercakap mengenai perkara yang telah dilakukan yang saya rasa tidak betul. Tapi, jelas sekali, banyak orang fikir ia betul. Semua menteri dan semua MB (Menteri Besar) fikir ia betul," katanya.

BH- 10/8/2006